

8

SURAT PEKELILING NO . 1/2006

DARIPADA: Setiausaha Kerajaan
Sarawak

KEPADA: Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Penguasa Tempatan
Semua Badan Berkanun Negeri

PERKARA: Polisi Keselamatan ICT Negeri Sarawak – Pengurusan Keselamatan
Komputer Peribadi (*Desktop Security Management - DSM*)

RUJ. KAMI: JKM/ICT/ADM04/004(8) **TARIKH:** 6 December 2006

TUJUAN

Polisi Keselamatan ICT Negeri Sarawak – Pengurusan Keselamatan Komputer Peribadi dihasilkan adalah untuk memaklumkan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi untuk menjaga keselamatan aset Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Dengan adanya polisi ini adalah diharapkan tahap keselamatan ICT dapat dipertingkatkan.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan Negeri Sarawak sentiasa memberi perhatian terhadap keselamatan ICT terutamanya dalam usaha merealisasikan misi Kerajaan untuk mencapai status Kerajaan Elektronik dalam tahun 2008. Faktor keselamatan ICT memainkan peranan penting bagi mengenalpasti Kerajaan Elektronik yang selamat, berkesan dan produktif.
3. Kerajaan sedar bahawa penggunaan ICT masakini tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan harian dan adalah dijangkakan ia akan terus meningkat. Ini merupakan sebahagian daripada kesan ledakan pembangunan ICT yang telah mencorak budaya kerja serta cara penyampaian perkhidmatan Kerajaan kepada rakyat. Haluan ini jelas menunjukkan bahawa agensi Kerajaan telah mengubah hala kepada penggunaan ICT yang lebih meluas untuk mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti dan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan. Namun, setanding dengan perkembangan ICT yang begitu pesat, keselamatan ICT juga tidak dapat dilupakan untuk mencapai keseimbangan antara perkhidmatan yang baik dan kawalan keselamatan yang berpatutan.
4. Menyedari pentingnya usaha-usaha menjamin keselamatan ICT, Kerajaan Negeri Sarawak telah mengambil inisiatif untuk menghasilkan Polisi Keselamatan ICT Negeri Sarawak yang menitikberatkan ciri-ciri keselamatan ICT yang meliputi domain Keselamatan ICT yang berbeza secara menyeluruh. Polisi Keselamatan ICT telah digubal berpandukan kepada prinsip-prinsip keselamatan ICT yang kukuh, tanggungjawab terhadap keselamatan maklumat dan kesedaran terhadap ancaman serta langkah-langkah peningkatan tahap keselamatan ICT. Perlaksanaan domain Keselamatan ICT ini juga dijalankan secara berperingkat-peringkat yang didahului dengan **Pengurusan Keselamatan Komputer Peribadi**.

untuk proses kerja yang selamat, sistematik dan berkesan. Ia dirumus bagi memenuhi keperluan penguatkuasaan, kawalan dan langkah-langkah yang menyeluruh untuk melindungi semua komputer peribadi milik Kerajaan.

OBJEKTIF

6. Objektif Pengurusan Keselamatan Komputer Peribadi adalah:
- a. Menimbulkan kesedaran dan memupuk rasa tanggungjawab setiap individu akan kepentingan mengamalkan dan menitikberatkan keselamatan komputer peribadi dalam kerja seharian;
 - b. Memastikan kelancaran operasi Kerajaan secara berterusan, meminimumkan kerosakan atau kemusnahan komputer peribadi serta data yang terkandung di dalamnya melalui usaha pencegahan atau usaha mengurangkan kesan kejadian yang tidak diingini;
 - c. Mencegah salahguna atau kecurian komputer peribadi dan data milik Kerajaan.

PENGGUNAAN POLISI

7. Polisi Pengurusan Keselamatan Komputer Peribadi akan disediakan secara dalam talian (*online*) di SarawakNet www.sarawaknet.gov.my dan Laman Web Unit ICT www.ictu.sarawak.gov.my.
8. Semua agensi Kerajaan Negeri adalah dikehendaki menggunakan polisi ini. Pematuhan Audit (*Compliance Audit*) akan dilaksanakan di agensi-agensi yang terpilih untuk memastikan polisi ini digunakan dan dipatuhi pada masa akan datang.
9. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Surat Pekeliling ini serta maklum balas mengenai Polisi Pengurusan Keselamatan Komputer Peribadi ini boleh dikemukakan kepada pegawai-pegawai berikut di Unit ICT, Jabatan Ketua Menteri.
- a. Pn. Grace Huang, email : grace@sarawaknet.gov.my atau tel.: 082-492758
 - b. Pn. Azlynda Jawawi, email : azlynda@sarawaknet.gov.my atau tel.: 082-492746

KUATKUASA

9. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta-merta mulai tarikh ia dikeluarkan.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"



(DATUK AMAR HAJI ABDUL AZIZ BIN DATO HAJI HUSAIN)
Setiausaha Kerajaan
Sarawak